

SUNTORY

Kod Etika Perniagaan Kumpulan Suntory

Kepada semua warga Kumpulan Suntory,

Kod Etika Perniagaan Kumpulan Suntory (“Kod”) menggariskan prinsip asas yang perlu didukung oleh setiap warga kita untuk mencapai matlamat Kumpulan Suntory:

“untuk menginspirasi kecemerlangan hidup, dengan mewujudkan pengalaman yang berharga untuk orang ramai, berharmoni dengan alam sekitar.” Kod ini bertindak sebagai panduan bersama tentang cara dan pendekatan yang boleh diambil untuk menjalankan peranan kita sebagai warga Kumpulan Suntory.

Bersama rakan setugas kita di seluruh dunia, kita akan terus menyahut cabaran dan berkembang dengan semangat *“Yatte Minahare.”* Dunia sedang mengalami perubahan pesat yang dramatik, dan dalam keadaan tertentu, pemikiran konvensional mungkin tidak sesuai untuk digunakan lagi atau kita mungkin tidak pasti tentang cara membuat keputusan dengan betul. Namun, walau betapa sukar pun situasi itu, kita mestilah sentiasa bertanya pada diri kita, *“Apakah tindakan yang betul yang sepatutnya diambil?”* dan membuat keputusan dengan sewajarnya. Untuk membolehkan Kumpulan Suntory terus berkembang, kita perlu memperoleh dan mengekalkan kepercayaan masyarakat—kepercayaan ini menjadi asas kepada aktiviti kita.

Untuk memastikan kepercayaan ini kekal, setiap warga kita perlu sentiasa ingat bahawa kita mewakili Kumpulan Suntory. Kita mestilah sentiasa mempertimbangkan perkara yang boleh kita lakukan untuk membawa kegembiraan kepada pelanggan kita dan pengguna—inilah inti pati *“Menjalankan Perniagaan dengan Cara yang Betul.”* Saya yakin sepenuhnya bahawa apabila setiap warga kita bertindak dengan ikhlas, berintegriti dan penuh kasih sayang—Kumpulan Suntory akan berkembang sebagai syarikat yang dipercayai dan disayangi di seluruh dunia.

Inilah masanya bagi setiap warga kita untuk menerapkan Kod ini sebagai garis panduan bersama bagi tatalaku yang baik dan bekerjasama dengan rakan sekerja kita di seluruh dunia untuk merealisasikan *“Growing for Good.”*

Suntory Holdings Limited
Direktur Perwakilan,
Presiden
Nobuhiro Torii

N. Torii



Isi Kandungan

Pendahuluan

1. Menumpukan Perhatian kepada Pelanggan dan Pengguna

- 1.1 Komitmen untuk Melangkaui Jangkaan
- 1.2 Maklumat dan Pemasaran yang Bertanggungjawab
- 1.3 Galakan dan Amalan Minum dengan Bertanggungjawab
- 1.4 Komunikasi Proaktif dengan Pelanggan dan Pengguna

2. Mengendalikan Perniagaan dengan Berintegriti dan Saksama

- 2.1 Pematuan Undang-undang dan Menghormati Aktiviti yang Saksama dan Telus
- 2.2 Persaingan Perniagaan yang Bebas dan Saksama
- 2.3 Sifar Toleransi terhadap Rasuah
- 2.4 Tidak Terlibat dengan Aktiviti Jenayah
- 2.5 Pendedahan Konflik Kepentingan
- 2.6 Pematuan terhadap Kawalan dan Sekatan Import/Eksport
- 2.7 Rekod dan Pendedahan yang Berkaitan dengan Aktiviti Korporat

3. Menyumbang kepada Masyarakat

- 3.1 Sumbangan kepada Komuniti dan Masyarakat
- 3.2 Sokongan untuk Aktiviti Pekerja

4. Memelihara Alam Sekitar

- 4.1 Pemuliharaan dan Pemulihan Ekosistem, Termasuk Air
- 4.2 Menggalakkan Ekonomi Kitaran dan Pengurangan Impak Alam Sekitar
- 4.3 Berinteraksi dengan Masyarakat

5. Mewujudkan Persekitaran Kerja yang Positif dengan Menghormati Hak Asasi Manusia dan Kepelbagaian

- 5.1 Larangan terhadap Buruh Kanak-kanak dan Buruh Paksa
- 5.2 Tempat Kerja Bebas Diskriminasi dan Gangguan
- 5.3 Kebebasan Berpersatuan
- 5.4 Persekitaran Kerja Positif
- 5.5 Budaya Kerja Terbuka dan Terangkum
- 5.6 Cabaran dan Pertumbuhan

6. Perlindungan dan Penggunaan Aset Korporat

- 6.1 Pengurusan Aset Korporat
- 6.2 Penggunaan Maklumat yang Wajar
- 6.3 Keselamatan Harta Intelek
- 6.4 Penggunaan dan Penerapan Teknologi Baharu dengan Baik
- 6.5 Pengendalian Komunikasi Luaran dengan Bertanggungjawab

Pentadbiran dan Pelaksanaan

Pendahuluan

Kod Etika Perniagaan Kumpulan Suntory (“Kod”) menentukan prinsip asas yang perlu diterima pakai oleh Kumpulan Suntory dan pekerjaanya demi mencapai azam korporat kita, “untuk mengilhamkan kehidupan yang gemilang dengan mewujudkan pengalaman yang berharga untuk orang ramai, berharmoni dengan alam semula jadi”. Kod ini mengandungi standard nilai dan etika serta menetapkan jangkaan tentang cara kita melakukan aktiviti perniagaan dengan cara yang memenuhi tanggungjawab kita kepada pihak berkepentingan kita dan meningkatkan kepercayaan mereka.

Etos di sebalik Kod ini ialah “Menjalankan Perniagaan dengan Cara yang Betul”, yang ditakrifkan sebagai, bukan sekadar mematuhi semua undang-undang, peraturan dan standard yang berkenaan, tetapi juga mengendalikan aktiviti perniagaan kita dengan saksama dan berintegriti.

Dalam dunia yang berubah dengan pesat, kita sentiasa berpegang teguh kepada standard etika yang tinggi sambil berusaha untuk mewujudkan nilai baharu demi mencapai matlamat kita iaitu “Growing for Good”. Kita percaya bahawa standard dalam Kod ini akan mendorong tingkah laku yang akan memastikan Kumpulan Suntory terus menjadi perusahaan perniagaan yang berjaya sambil mengekalkan kepercayaan pelanggan dan orang awam.

1. Menumpukan Perhatian kepada Pelanggan dan Pengguna

Kita di Kumpulan Suntory berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan integriti dan ketelusan dalam semua interaksi kita dengan pelanggan dan pengguna. Tujuan kita adalah untuk menyumbang kepada kebahagiaan mereka dengan menyediakan produk dan perkhidmatan yang selamat, boleh dipercayai dan berkualiti tinggi.

1.1 Komitmen untuk Melangkaui Jangkaan

Kita komited untuk mengutamakan kualiti dan menyampaikan nilai yang memenuhi dan mengatasi jangkaan pelanggan dan pengguna kita dalam semua bidang aktiviti korporat kita termasuk penyelidikan dan pembangunan, perolehan, pengeluaran dan jualan.

1.2 Maklumat dan Pemasaran yang Bertanggungjawab

Kita berusaha untuk menyediakan maklumat yang tepat dan kena pada masanya, termasuk berkaitan dengan kebolehpercayaan dan keselamatan produk kita untuk membantu pelanggan dan pengguna kita membuat keputusan termaklum. Kita memastikan label produk, pengiklanan dan mesej komersial kita jelas, tepat dan tidak mengelirukan. Selain itu, sebagai kumpulan korporat yang melibatkan diri dengan pelbagai jenis perniagaan, kita komited untuk memasarkan semua produk dan perkhidmatan kita dengan bertanggungjawab.

1.3 Galakan dan Amalan Minum dengan Bertanggungjawab

Kita memastikan label produk, pengiklanan dan mesej komersial untuk produk minuman beralkohol kita jelas, tepat dan tidak mengelirukan. Kita memastikan mesej ini disasarkan kepada khalayak dewasa dalam lingkungan umur yang dibenarkan membeli produk tersebut menurut undang-undang dan menggalakkan amalan minum dengan bertanggungjawab untuk mengurangkan kesan mudarat alkohol, seperti pengambilan berlebihan dan keupayaan untuk memandu terganggu. Kita berharap semua pekerja Kumpulan Suntory akan menunjukkan tingkah laku yang diinginkan ini.

1.4 Komunikasi Proaktif dengan Pelanggan dan Pengguna

Kita berjuang untuk meningkatkan kepuasan dan kepercayaan pelanggan dan pengguna kita dengan mengadakan peluang yang lebih daripada cukup untuk komunikasi interaktif, serta dengan menerapkan pandangan mereka yang pelbagai dalam aktiviti korporat kita.

2. Mengendalikan Perniagaan dengan Berintegriti dan Saksama

Kita di Kumpulan Suntory mengendalikan semua aktiviti perniagaan dengan cara yang saksama dan telus, menurut semua undang-undang yang berkenaan dan standard etika yang tertinggi.

2.1 Pematuhan Undang-undang dan Menghormati Aktiviti yang Saksama dan Telus

Kita mematuhi semua undang-undang dan peraturan, serta dasar dalaman yang berkenaan. Kita menghormati standard antarabangsa dan menjalankan aktiviti perniagaan yang saksama dan telus dengan mempertimbangkan budaya, adat, tradisi dan agama.

2.2 Persaingan Perniagaan yang Bebas dan Saksama

Dalam hubungan dengan rakan kongsi dan pesaing perniagaan, kita melarang tindakan mencari keuntungan melalui cara yang menyalahi undang-undang dan tidak terlibat dalam sebarang amalan antipersaingan. Di samping itu, kita menjalankan aktiviti perniagaan kita berdasarkan persaingan bebas dan saksama.

2.3 Sifar Toleransi terhadap Rasuah

Kita komited untuk mengekalkan tahap etika dan integriti yang tertinggi dan untuk mematuhi undang-undang antirasuah yang berkenaan di negara tempat kita beroperasi. Kita mengamalkan sifar toleransi terhadap rasuah dan sogokan, serta mengekalkan program antirasuah yang mampan. Pemberian hadiah dan hiburan kepada pegawai kerajaan tidak digalakkan dan boleh diberikan hanya dalam keadaan tertentu dan dengan mematuhi undang-undang serta dasar dalaman yang berkenaan. Derma amal, penajaan dan sumbangan politik mestilah mematuhi undang-undang dan dasar dalaman yang berkenaan.

2.4 Tidak Terlibat dengan Aktiviti Jenayah

Kita tidak pernah dan tidak akan pernah mempunyai sebarang kaitan dengan sebarang kumpulan jenayah terancang atau terlibat dengan aktiviti jenayah kewangan lain, termasuk pengubahan wang haram.

2.5 Pendedahan Konflik Kepentingan

Kita menghendaki semua pengarah, pegawai dan pekerja Kumpulan Suntory mendedahkan semua konflik kepentingan yang sebenar atau berkemungkinan berlaku supaya konflik tersebut dapat ditangani dengan baik oleh Kumpulan Suntory.

2.6 Pematuhan terhadap Kawalan dan Sekatan Import/Eksport

Kita mematuhi semua undang-undang dan peraturan, embargo, serta langkah sekatan lain yang berkenaan bagi setiap negara di tempat kita beroperasi, termasuk kawalan import dan eksport serta sekatan ekonomi, kewangan atau perdagangan.

2.7 Rekod dan Pendedahan yang Berkaitan dengan Aktiviti Korporat

Kita komited untuk mengekalkan kawalan dalaman yang secukupnya. Kita juga komited untuk merekodkan dan, jika perlu, mendedahkan maklumat kewangan dan bukan kewangan yang berkaitan dengan aktiviti korporat, yang menggambarkan dengan tepat keadaan sebenar Kumpulan Suntory. Kita memastikan bahawa semua kewajipan cukai dipenuhi dengan baik berdasarkan rekod tersebut.

3. Menyumbang kepada Masyarakat

Sebagai warga korporat yang baik, Kumpulan Suntory berusaha untuk memberikan impak yang positif kepada masyarakat.

3.1 Sumbangan kepada Komuniti dan Masyarakat

Kita bekerjasama dengan pihak berkepentingan untuk berinteraksi dengan komuniti di tempat kita menjalankan perniagaan dan menyumbang kepada usaha untuk menyelesaikan keperluan tempatan. Dengan berbuat demikian, kita berusaha untuk mengilhamkan gaya hidup yang harmoni dalam komuniti dan masyarakat.

3.2 Sokongan untuk Aktiviti Pekerja

Kita secara aktif menggalakkan pekerja kita untuk menjadi sukarelawan dan mengambil bahagian dalam aktiviti sumbangan sosial yang lain.

4. Memelihara Alam Sekitar

Kita di Kumpulan Suntory berusaha untuk memelihara persekitaran global dan memastikan masyarakat mampan yang kaya dengan kepelbagaian biologi dan berharmoni dengan alam semula jadi dipelihara untuk generasi yang akan datang.

4.1 Pemuliharaan dan Pemulihan Ekosistem, Termasuk Air

Sebagai syarikat yang bergantung pada air dan produk pertanian, kita faham bahawa air merupakan sumber yang paling penting untuk operasi perniagaan kita. Kita mengendalikan air dengan penuh cermat dan kita berbangga dengan usaha kita untuk memelihara dan memulihkan ekosistem di kawasan yang menjadi sumber air dan bahan mentah kita.

4.2 Menggalakkan Ekonomi Kitaran dan Pengurangan Impak Alam Sekitar

Kita berusaha untuk menggalakkan ekonomi kitaran dan mengurangkan impak alam sekitar merentas rantai nilai dengan menggunakan sumber secara cekap dan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.

4.3 Berinteraksi dengan Masyarakat

Dalam usaha untuk mewujudkan masyarakat yang bersemangat dan lestari, kita bekerjasama dengan pihak berkepentingan kita, terlibat dalam dialog dengan komuniti tempatan dan mendedahkan kemajuan kita secara telus.

5. Mewujudkan Persekitaran Kerja yang Positif dengan Menghormati Hak Asasi Manusia dan Kepelembagaan

Kita di Kumpulan Suntory menghormati semua hak asasi manusia dan kepelembagaan, serta berusaha untuk mewujudkan persekitaran kerja yang membuat pekerja rasa terlibat dan bermotivasi.

5.1 Larangan terhadap Buruh Kanak-kanak dan Buruh Paksa

Kita dengan tegas melarang penggunaan buruh kanak-kanak, buruh paksa atau bukan sukarela ataupun sebarang amalan buruh lain yang menyalahi undang-undang dalam sebarang aktiviti perniagaan kita.

5.2 Tempat Kerja Bebas Diskriminasi dan Gangguan

Kita menghormati hak asasi manusia serta maruah individu dan matlamat kita adalah untuk mewujudkan persekitaran tempat kerja yang bebas daripada sebarang diskriminasi berdasarkan kaum, agama, jantina, identiti gender, orientasi seksual, umur, kewarganegaraan, bahasa, status kurang upaya, asal usul sosial atau sebarang status lain yang dilindungi oleh undang-undang dan dasar dalaman yang berkenaan. Kita tidak bertoleransi dengan sebarang bentuk diskriminasi, sebarang jenis gangguan (termasuk gangguan seksual) atau penganiayaan. Perhatian yang sewajarnya akan diberikan untuk melindungi privasi semua yang terjejas.

5.3 Kebebasan Berpersatuan

Kita menghormati hak asasi pekerja untuk bebas berpersatuan dan menubuhkan serta menyertai organisasi atas pilihan mereka sendiri.

5.4 Persekitaran Kerja Positif

Matlamat kita adalah untuk mewujudkan tempat kerja yang membolehkan pekerja mengekalkan kesejahteraan fizikal dan mental serta bekerja dengan selamat.

5.5 Budaya Kerja Terbuka dan Terangkum

Kita berusaha untuk memupuk budaya tempat kerja yang inklusif yang membolehkan semua orang bertindak secara bebas dan mengemukakan pendapat mereka secara terbuka, sambil menghormati pandangan dan pendirian masing-masing. Di samping itu, melalui komunikasi aktif, matlamat kita adalah untuk membina persekitaran kerja yang padu dan kolaboratif dalam Kumpulan Suntory.

5.6 Cabaran dan Pertumbuhan

Kita membolehkan pertumbuhan peribadi pekerja kita dengan menggalakkan mereka untuk menetapkan dan mencapai matlamat yang mencabar serta rasa bangga dan bertanggungjawab terhadap kerja mereka.

6. Perlindungan dan Penggunaan Aset Korporat

Kita di Kumpulan Suntory berusaha untuk melindungi, mengurus dan menggunakan aset syarikat termasuk sebarang maklumat yang kita simpan, sambil menghormati hak pihak ketiga.

6.1 Pengurusan Aset Korporat

Kita mengurus aset korporat kita dengan baik, sama ada yang ketara atau tidak ketara, dan berusaha untuk melindungi aset tersebut daripada ancaman keselamatan seperti bencana alam dan serangan siber. Di samping itu, kita menghendaki aset kita digunakan hanya untuk tujuan perniagaan yang wajar.

6.2 Penggunaan Maklumat yang Wajar

Kita mengambil langkah yang sewajarnya untuk memperoleh, menggunakan, menyimpan dan melupuskan maklumat peribadi dan/atau sulit dengan baik. Kita tidak berkongsi maklumat sulit dalam perniagaan selain atas dasar “perlu tahu” dan kita tidak terlibat dalam penggunaan sebarang maklumat sedemikian untuk tujuan yang menyalahi undang-undang, termasuk perdagangan orang dalam.

6.3 Keselamatan Harta Intelektual

Kita melindungi dan mempertahankan harta intelek kita, kita menghormati hak harta intelek pihak lain dan kita tidak akan melanggar hak tersebut secara sengaja.

6.4 Penggunaan dan Penerapan Teknologi Baharu dengan Baik

Kita secara proaktif menyepadukan teknologi inovatif untuk mewujudkan nilai baharu dan menghendaki teknologi sedemikian digunakan secara selamat dan boleh dipercayai dengan standard etika yang tinggi.

6.5 Pengendalian Komunikasi Luaran dengan Bertanggungjawab

Sebagai ahli Kumpulan Suntory, kita memahami bahawa semua pernyataan umum, aktiviti media sosial dan maklumat yang kita kongsi dalam pelbagai keadaan boleh menjejaskan reputasi Kumpulan Suntory. Kita sentiasa menyedari hakikat ini dan menggalakkan perilaku yang bertanggungjawab sepanjang masa dalam komunikasi awam atau luaran.

Pentadbiran dan pelaksanaan

SKOP DAN APLIKASI

1. Kod dikenakan kepada semua pengarah, pegawai dan pekerja Suntory Holdings Limited dan syarikat kumpulannya (Suntory Holdings Limited dan syarikat kumpulannya secara kolektif dirujuk sebagai “Kumpulan Suntory” dan “Syarikat-syarikat Kumpulan”, dan secara individu sebagai “Syarikat Kumpulan” dalam keseluruhan Kod).
2. Pengurusan kanan bagi setiap Syarikat Kumpulan dikehendaki memastikan pematuhan terhadap Kod dengan menunjukkan tingkah laku teladan yang terkandung dalam Kod, mempromosikan Kod dalam Syarikat-syarikat Kumpulan masing-masing dan mewujudkan sistem tadbir urus yang berkesan untuk melaksanakan dan mendukung Kod. Setiap Syarikat Kumpulan boleh menetapkan dan melaksanakan dasar, garis panduan, manual dan dokumen lain sendiri untuk menyokong Kod. Dasar, garis panduan, manual dan dokumen lain tersebut sepatutnya tidak bercanggah dengan Kod.
3. Kod bukan pengganti bagi undang-undang, peraturan atau kod industri tempatan yang berkenaan di negara tempat Kumpulan Suntory beroperasi. Sekiranya undang-undang, peraturan atau kod industri tempatan yang berkenaan lebih ketat daripada Kod, keperluan yang lebih ketat hendaklah dikenakan kepada Syarikat Kumpulan yang berkaitan.
4. Kumpulan Suntory meminta mana-mana pihak ketiga yang bertindak bagi pihak Kumpulan Suntory atau mana-mana Syarikat Kumpulan agar mematuhi Kod ini.

SEMAKAN DAN PEMANSUHAN

Semakan dan pemansuhan Kod hendaklah dipersetujui oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko Global dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Suntory Holdings Limited.

JABATAN YANG BERTANGGUNGJAWAB

Jabatan Undang-undang & Pematuhan Bahagian GRC, Suntory Holdings Limited (kemudian daripada ini “Jabatan Undang-undang & Pematuhan”), bertanggungjawab atas kandungan dan tafsiran Kod. Jabatan Undang-undang & Pematuhan memberikan sokongan kepada Syarikat Kumpulan dalam melaksanakan Kod.

KEWAJIPAN PELAPORAN, TIADA TINDAKAN BALAS & DISIPLIN

Semua pekerja Kumpulan Suntory bertanggungjawab secara peribadi untuk membiasakan diri dengan dan mematuhi Kod. Jika pekerja percaya bahawa mana-mana pengarah, pegawai, pekerja atau pihak ketiga yang bertindak bagi pihak Kumpulan Suntory telah melanggar atau mungkin melanggar Kod, mana-mana dasar Kumpulan Suntory atau undang-undang berkenaan lain yang tersurat atau tersirat, mereka dikehendaki melaporkan aktiviti tersebut melalui saluran pelaporan Syarikat Kumpulan mereka. Maklumat yang dilaporkan dan identiti pelapor akan dirahsiakan dengan sebaik mungkin dan dengan mematuhi undang-undang privasi peribadi yang berkenaan, sambil memastikan siasatan yang sewajarnya dapat dijalankan oleh Kumpulan Suntory. Kumpulan Suntory melarang tindakan balas terhadap sesiapa yang membuat laporan secara jujur tentang pelanggaran yang diketahui atau disyaki berlaku. Pelanggaran Kod boleh menyebabkan tindakan disiplin diambil, mengikut peraturan dalaman bagi setiap Syarikat Kumpulan atau undang-undang dan peraturan tempatan yang berkenaan, termasuk pemberhentian kerja.

SUNTORY

Adoption and Revision : 2003
2008
2012
2017
2026